BAHAGIAN PINJAMAN DALAM ISLAM

Al-Ariyah(pinjaman)

Bahasa : Perpindahan

Istilah : Memberikan manfaat sesuatu benda yang halal kepada orang lain dengan tidak merosakkan keadaan asal benda itu apabila dipulangkan semula kepada pemilik asal.

Contoh :- Amir meminjamkan bajunya kepada Husein. Jadi, Husein perlu memulangkan semula baju Amir dalam keadaan yang asal diterimanya tanpa sebarang kerosakan.

Al- Qard (hutang)

Bahasa : Potong

Istilah : Memberi milik sesuatu harta sama ada wang atau benda kepada orang lain dan diganti semula tanpa ada sebarang penambahan.

Contoh:- Amir memberi hutang pada Husein sebanyak RM1000.00 untuk tempoh sebulan. Selepas sebulan, Husein perlu memulangkan semula hutang dengan nilai yang sama iaitu RM1000.00 kepada Amir tetapi bukan pulangkan wang kertas yang asal.

KONSEP PINJAMAN AL-ARIYAH DAN AL-QARD

Konsep Al-Ariyah(pinjaman)

> Pinjaman sesuatu barang bagi tujuan penggunaan manfaat tersebut secara percuma.

> Peminjam tidak bertanggungjawab atas sebarang kerosakan kecuali kecuaian berpunca daripada pemimjam sendiri.

> Barang asal pinjaman yang perlu dipulangkan kepada tuannya dan bukan barang gantian.

> Hanya melibatkan barang yang tidak musnah bila digunakan seperti rumah, baju, kereta dan sebagainya.

KONSEP PINJAMAN AL-ARIYAH DAN AL-QARD (cont)

> Jika barang itu sudah musnah seperti sabun dan pemadam maka akad pinjaman tidak sah.

Konsep Al-Qard(hutang)

> Pinjaman melibatkan barang yang boleh diganti.

> Disebut sebagai salaf iaitu pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa sebarang tambahan.

> Penghutang perlu pulangkan kembali barang pinjaman dalam bentuk gantian bukan bentuk asal.

HUKUM PINJAMAN AL-ARIYAH & AL-QARD

Hukum Al Ariyah	Hukum Al Qard
Sunat	Harus

"Tidak harus beri pinjam jika tahu wang atau barang tersebut digunakan untuk tujuan yang haram atau maksiat kerana boleh dianggap bersubahat dalam aktiviti diharamkan syarak"

RUKUN PINJAMAN AL-ARIYAH

A) Peminjam

- mestilah orang yang dikenali
- berakal dan baligh

B) Pemberi Pinjam

- bukan secara paksaan
- hak milik sepenuhnya barang itu
- ahli tabarru yang boleh urus harta itu

C) Barang Pinjaman

- barang yang diambil manfaatnya
- barang yang sedia asal semasa diambil tanpa cacat cela

D) Sighah

- ada lafaz ijab qabul

RUKUN PINJAMAN AL-QARD

A) Pemiutang

- tiada paksaan
- ahli tabrraru yang memiliki harta itu
- bukan kanak kanak dan berakal(tidak gila)

B) Penghutang

- mampu untuk bayar semula hutang
- bukan majhur alaih kerana safih

C) Barang yang dihutang

- barang yang boleh dihitung atau dikira(mithliy)
- barang yang boleh dipulangkan nilainya seperti duit

D) Sighah

- lafaz ijab dan qabul

PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

~ Hutang yang dibuat perlu dicatat untuk memastikan penghutang sedar untuk membayar balik hutang dan rekod pembayaran yang telah dibuat untuk elak penipuan.

~ Dituntut melunaskan semua hutang sebelum mati untuk memudahkan urusan pembahagian harta pusaka secara faraidh.


~ Tak boleh kenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas kelewatan bayar balik hutang

~ Hutang adalah hak individu tertentu yang wajib dibayar dalam tempoh yang dijanjikan.


"Sebarang tambahan terhadap wang atau barang yang diberi pinjam dilarang oleh islam kerana dianggap sebagai riba dan haram dari segi hukum syarak'."

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com

DALIL BAGI PINJAMAN AL-ARIYAH



DALIL BAGI PINJAMAN AL-QARD



TUJUAN PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASSAN

Membantu golongan yang memerlukan.

Memupuk semangat keprihatinan antara satu sama lain dan sifat kesaudaraan.

Mendapat ganjaran dan pahala berterusan di dunia dan di akhirat.

"Al-Qard Al-Hassan adalah pinjaman yang baik atau ikhlas "

PRINSIP AL-QARD AL-HASSAN

+ Pemberi hutang dan penghutang mestilah bebas riba' dan mengutamakan kebajikan sosial.

+ Mementingkan sikap toleransi dan prihatin kepada penghutang untuk berikan saguhati untuk pemberi hutang sebagai tanda terima kasih.

+ Penghutang hendaklah membayar hutangnya mengikut nilai asal tanpa faedah atau bunga.

LANGKAH PERANGI KEGIATAN CETI HARAM

^ Pihak berkuasa mestilah ambil tindakan untuk memberhentikan pemberian wang hutang tanpa lesen.

^ Pihak kerajaan pula hendaklah melakukan kempen khidmat nasihat dan kesedaran.

^ Masyarakat bekerjasama untuk menurunkan iklan banner ah long besar besaran di kawasan perumahan.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com